



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
WISMA TANI, BLOK PODIUM, LOT 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA



Telefon : 03 – 8870 2217 03 – 8870 2253 Faks : 03 – 8888 6051 (KP), 03 – 8888 0579
E-mail : pro@dvs.gov.my

KENYATAAN MEDIA

Oleh;

Y.H. DATO' DR. ABD. AZIZ JAMALUDDIN

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar

20 Oktober 2010 (Rabu)

PENGESAHAN WABAK PENYAKIT KUKU DAN MULUT PADA BABI DI SELANGOR

1. Penyakit Kuku dan Mulut atau lebih dikenali umum sebagai *Foot and Mouth Disease* (FMD) adalah penyakit yang berkepentingan ekonomi dan merebak dengan sangat pantas. Penyakit ini boleh menjangkiti semua ternakan ruminan seperti lembu, kerbau, kambing dan juga babi. Penyakit ini bukan zoonosis tidak berjangkit kepada manusia.
2. Pada 15 Oktober 2010, wabak FMD ini telah dikesan di Tanjung Sepat, Selangor melibatkan sebuah ladang babi. Sehingga pada hari ini, hanya sebuah ladang terlibat dengan *Standing Pig Population* (SPP) 3,300 (2009) yang telah menunjukkan tanda klinikal FMD daripada sejumlah 147 ladang babi yang telah diperiksa. Pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) telah mengesahkan penyakit tersebut melalui tanda klinikal FMD dan ujian makmal. Satu zon jangkitan (1km radius) di sekeliling premis tersebut telah dikenalpasti yang melibatkan 26 ladang babi lain disekitarnya.
3. Justeru, pihak JPV telah mengeluarkan arahan kawalan pergerakan terhadap semua ternakan ruminan dan babi dalam zon kawalan, 10km radius dari ladang yang berjangkit tetapi dibenarkan untuk penyembelihan segera sahaja. Pemeriksaan klinikal perlu dijalankan ke atas ladang sebelum kebenaran pindah untuk sembelih dikeluarkan bagi memastikan ladang tersebut tidak mempunyai tanda klinikal penyakit FMD dan disembelih di rumah sembelih yang dibenarkan

oleh JPV sahaja. Walaubagaimanapun, ternakan tersebut mestilah bebas daripada sebarang tanda klinikal FMD. Kawalan pergerakan berkuatkuasa serta-merta sehingga diberitahu kelak.

4. Pada masa ini, wabak tersebut berjaya dikawal daripada merebak ke kawasan lain. Semua penternak babi dinasihatkan untuk meningkatkan tahap biosecuriti di ladang masing-masing. Bagi aktiviti penangkapan babi, lori pengangkut ternakan dan peralatan perlu disucihamza dengan penggunaan disinfektan setiap kali keluar dan masuk ke sesebuah ladang. Manakala pemilik ladang perlu mengetatkan kawalan pergerakan personel keluar masuk ladang selain memastikan penggunaan disinfektan bagi mensucihamza premis jangkitan dan kawasan sekitarnya. Walaubagaimanapun daging babi masih selamat untuk dimakan kerana virus FMD tidak berjangkit kepada manusia.